

KATA PERINTAH

Penggunaan	Contoh	Contoh Ayat
Jangan	Untuk membawa maksud 'tidak boleh' atau melarang seseorang daripada melakukan sesuatu.	<ol style="list-style-type: none"> 1. Jangan buang sampah di merata-rata tempat. 2. Jangan petik bunga itu.
Usah	Untuk menyuruh seseorang supaya jangan melakukan sesuatu.	<ol style="list-style-type: none"> 1. Usah pergi ke perpustakaan dalam hujan yang lebat ini. 2. Usah biarkan adik bermain seorang diri di luar rumah.
Sila	Untuk membawa maksud meminta dengan hormat supaya melakukan sesuatu.	<ol style="list-style-type: none"> 1. Sila bawa salinan surat beranak dan kad pengenalan anda. 2. Silalah makan kuih-muih yang ada di atas meja itu.
Jemput	Untuk membawa maksud mengajak atau mengundang.	<ol style="list-style-type: none"> 1. Jemput duduk sebentar. Pengurus sedang berbincang dengan seorang pelanggan. 2. Jemputlah masuk, jangan malu-malu.
Minta	Untuk membawa maksud 'mahu akan sesuatu'.	<ol style="list-style-type: none"> 1. Minta murid-murid berkumpul di padang sekolah. 2. Minta saudara dan saudari bertenang sebentar.
Tolong	Untuk membawa maksud meminta bantuan.	<ol style="list-style-type: none"> 1. Tolong belikan saya sebungkus nasi lemak. 2. "Tolong jangan buat bising semasa berada di dalam dewan makan," kata penyelia asrama itu.
Harap	Untuk membawa maksud berhasrat untuk mendapatkan sesuatu atau meminta supaya terjadi sesuatu perkara.	<ol style="list-style-type: none"> 1. Harap hantarkan semua buku latihan esok. 2. Harap tuan doktor dapat mengubati penyakit anak saya ini.